



**JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
SOALAN – SOALAN LAZIM
PROGRAM REKALIBRASI TENAGA KERJA**

1. Apakah itu Program Rekalibrasi Tenaga Kerja?

Program Rekalibrasi Tenaga Kerja merupakan suatu program khas untuk meregularisasikan PATI di negara ini sebagai pekerja asing yang sah digajikan oleh majikan yang layak tertakluk kepada syarat-syarat ketat yang diputuskan oleh Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).

2. Siapakah yang layak menyertai Program ini?

KELAYAKAN MAJIKAN

- i. Hanya majikan daripada sektor **perkilangan, pembinaan, pertanian dan perladangan SAHAJA**;
- ii. Tertakluk kepada kuota yang diluluskan oleh JTKSM;
- iii. Pematuhan kepada syarat-syarat penggajian pekerja asing sedia ada seperti bayaran levi, kelayakan pas dan sebagainya; **DAN**
- iv. Tidak berada dalam Senarai Disyaki dan Senarai Hitam.

KELAYAKAN PATI

Terbuka kepada warga asing seperti berikut:

- i. Pemegang Pas Lawatan Sosial (PLS), Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) termasuk Pembantu Rumah Asing yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(c) iaitu tinggal lebih masa di bawah Akta Imigresen 1959/63 pada atau sebelum 31 Disember 2020;
- ii. Pemegang PLKS yang melakukan kesalahan melanggar syarat pas di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 yang pasnya masih sah pada atau sebelum 31 Disember 2020.
- iii. Bukan PATI yang melarikan diri daripada majikan;
- iv. Hanya terdiri daripada 15 negara sumber SAHAJA (Thailand, Kemboja, Nepal, Myanmar, Laos, Vietnam, Filipina, Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh, Turksmenistan, Uzbekistan, Kazakhstan, India dan Indonesia);
- v. Tidak berada dalam Senarai Disyaki dan Senarai Hitam;
- vi. Mempunyai dokumen perjalanan negara asal yang masih sah laku sekurang-kurangnya 18 bulan; DAN
- vii. Mempunyai slip keputusan negatif bagi ujian COVID-19 yang dibuat dalam tempoh tiga (3) hari sebelum tarikh janji temu.

3. Berapakah kos yang perlu dibayar bagi program ini?

KADAR BAYARAN		
Wang Cagaran	Fi Rekalibrasi	Lain-lain bayaran
RM 500.00 setiap pekerja asing (pembayaran	RM 1,500.00 setiap pekerja asing	a. Pemeriksaan FOMEMA; b. Levi; i. RM 1850.00 (sektor Perkilangan dan

secara atas talian)		Pembinaan) ii. RM 640.00 (sektor Perladangan dan Pertanian) c. RM 125.00 (pemprosesan); d. RM 60.00 PLKS; dan e. Visa (mengikut warganegara)
---------------------	--	--

Kaedah pembayaran adalah secara kad kredit dan kad debit **SAHAJA**. Pembayaran secara **TUNAI** tidak diterima.

4. Bilakah jangka masa / tempoh Program ini dilaksanakan?

Program ini dilaksanakan mulai 16 November 2020 sehingga 30 Jun 2021.

5. Adakah program ini melibatkan vendor atau pihak ketiga?

Program ini dijalankan sepenuhnya oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) / Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) tanpa penglibatan vendor atau pihak ketiga.

6. Adakah pelaksanaan Program ini merangkumi negeri Sabah dan Sarawak?

Program ini hanya dilaksanakan di Semenanjung Malaysia sahaja.

7. Bagaimana untuk menyertai Program ini?

Majikan boleh mendapatkan maklumat mengenai Program Rekalibrasi Tenaga Kerja dan mendaftar melalui pautan <https://imigresen-online.imi.gov.my/myimms/main>

8. Apakah yang perlu dilakukan oleh majikan?

Majikan boleh mengambil tindakan berikut dalam masa yang sama iaitu;

- **Verifikasi PATI**

JIM akan menghubungi majikan untuk hadir bersama PATI di Bahagian Penguatkuasa JIM bagi urusan seterusnya. Majikan hendaklah mendapatkan dokumen pengesahan verifikasi PATI daripada JIM.

- **Perakuan Rekalibrasi**

Mengemukakan permohonan Rekalibrasi secara atas talian Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) menerusi laman web Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) melalui laman web www.eppax.gov.my di bawah JTKSM.

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA